

**Kehendak rakyat dipenuhi – PM  
Utusan Online  
Februari 27, 2012  
Oleh HELMI MOHD. FOAD**

SABAK BERNAM 26 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berpuas hati kerana berjaya memenuhi kehendak semua lapisan masyarakat menerusi pelbagai bentuk bantuan.

Ia termasuklah golongan petani di daerah ini yang mengalami kerugian akibat tanaman pisang diserang penyakit apabila Perdana Menteri mengumumkan bantuan saguhati sebanyak RM1.5 juta kepada mereka.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, hasratnya mahu segenap lapisan rakyat memberikan sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) masih belum dapat dipenuhi.

"Banyak masalah saya sudah selesaikan. Bersama Datuk Seri Noh Omar (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani) hari ini, masalah pisang selesai. Nelayan dapat (bantuan sara diri), penduduk dapat Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Semua sudah dapat, tetapi kehendak saya belum dapat lagi.

"Insya-Allah dengan sokongan yang ditunjukkan hari ini, kita akan capai kemenangan besar. Pisang boleh layu, tapi semangat jangan layu," katanya.

Najib berucap di hadapan ribuan penduduk ketika menghadiri program Tinjauan Susulan Perdana Menteri Ke Selangor Bersama Petani dan Nelayan di Bagan Nakhoda Omar, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan bantuan sara hidup kepada nelayan dan sagu hati kepada petani sebelum meninjau keadaan Balai Polis Daerah Sungai Besar.

Hadir sama, Noh yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor; Koordinator BN Selangor, Datuk Seri Mohd. Zin Mohamed; Ahli Parlimen Sabak Bernam; Datuk Abd Rahman Bakri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Datuk Warno Dogol; ADUN Sungai Ayer Tawar, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad dan Pengerusi MCA Selangor, Datuk Donald Lim.

Najib yang juga Pengerusi BN Selangor berkata, berdasarkan kepada semangat yang dilihat pada majlis itu, beliau yakin Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabak dan Sungai Ayer Tawar yang pernah menjadi kubu kuat BN sebelum hampir tumbang ketika pilihan raya pada 2008 akan kembali menjadi teras kekuatan BN.

"Kata Datuk Raja Ideris, lawatan hari ini catat sejarah kerana belum pernah mana-mana Perdana Menteri sampai ke kawasan ini.

"Saya bersyukur dapat sampai di Sungai Ayer Tawar dan Sabak serta teruja melihat bukan saja sambutan meriah tetapi suasana penuh dengan rasa muhibah dan harmoni di antara semua kaum.

"Saya melihat suasana ini jelas menunjukkan di bawah panji BN, kita boleh memupuk dasar yang boleh mengeratkan lagi perpaduan kaum di negara kita," kata beliau.

Najib berkata, melalui gagasan 1Malaysia yang memberi keadilan sosial kepada semua kaum, orang kaya diberi peluang berniaga menambah pendapatan dan pada masa sama, memberi tumpuan kepada golongan miskin sehingga kemiskinan mutlak hampir terhapus.

"Biasanya dalam mana-mana sistem ekonomi dunia, yang kaya rasa selesa, yang miskin dapat bantuan tetapi ramai yang sederhana dan sederhana rendah, kita kadang-kadang terlepas pandang atau tidak ada program untuk membantu kelompok ini," katanya.

Perdana Menteri kemudiannya menyertai jamuan makan tengah hari bersama masyarakat Sekinchan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Yoke Kuan serta menyempurnakan upacara pecah tanah tambahan 18 bilik darjah bernilai RM1.5 juta di sekolah itu.

Ketika berucap di majlis itu, Najib mengumumkan peruntukan tambahan RM1 juta bagi pembangunan sekolah itu berikutan prestasi cemerlang sekolah berkenaan dan manfaat kepada masyarakat Cina setempat.

"Falsafah orang Cina, kalau kita minum air dari telaga, jangan lupa orang yang gali telaga itu. Jadi, kita mesti ingat siapa yang menggali telaga selama ini untuk pendidikan di negara ini," katanya.

Beliau berkata, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara, justeru kewujudan dan masa depan sekolah itu nanti tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun.

Terdahulu, Najib sempat meninjau berek polis Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Besar dan meluluskan serta-merta peruntukan RM480,000 bagi memperbaiki kemudahan di berek yang sudah berusia 35 tahun itu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0227&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0227&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm)